

SURAH MAKHLUK YANG BERBARIS



Surah: 37 Juzuk: 23 Bil. Ayat: 182

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Demi (para malaikat) yang berbaris bersaf-saf.
2. Demi (para malaikat) yang melarang (daripada kejahatan) dengan bersungguh-sungguh.
3. Demi (para malaikat) yang membaca peringatan.
4. Sesungguhnya Tuhan kamu hanyalah satu.
5. Tuhan langit dan bumi serta apa yang ada di antara keduanya, dan Tuhan tempat-tempat terbitnya matahari.
6. Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit yang dekat dengan bintang-bintang.
7. Dan (Kami) telah menjaganya daripada setiap syaitan yang derhaka.
8. Mereka tidak dapat mendengar (percakapan) malaikat penduduk langit, dan mereka direjam (dengan api) daripada setiap penjur.
9. Untuk mengusir mereka, dan mereka mendapat azab yang tidak putus-putus.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالصَّافَّاتِ صَفًّا ١

فَالرَّجْرَجَاتِ زَجْرًا ٢

فَالتَّالِيَاتِ ذِكْرًا ٣

إِنَّ إِلَهَكُمْ لَوَاحِدٌ ٤

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ الْمَشْرِقِ ٥

إِنَّا زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِزِينَةِ الْكُوْكَبِ ٦

وَحِفْظًا مِّنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَّارِدٍ ٧

لَّا يَسْمَعُونَ إِلَى الْمَلَأِ الْأَعْلَى وَيُقَدِّفُونَ مِنْ كُلِّ جَانِبٍ ٨

دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ ٩

10. Kecuali mana-mana di antara syaitan-syaitan itu yang mencuri dengar percakapan (malaikat), maka ia diburu oleh tahi bintang yang menjulang lagi menembusi.
11. Maka tanyakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka (yang mengingkari kehidupan selepas mati): «Adakah diri mereka lebih sukar hendak diciptakan, atau makhluk-makhluk lain yang Kami telah ciptakan?» Sesungguhnya Kami telah mencipta mereka daripada tanah liat (yang senang diubah dan diciptakan semula).
12. Bahkan engkau merasa hairan (terhadap keingkarannya mereka), dan sebaliknya mereka mempersendakan (peneranganmu).
13. Apabila diperingatkan, mereka tetap tidak mahu menerima peringatan itu.
14. Apabila mereka melihat sesuatu tanda (yang membuktikan kekuasaan Kami dan kebenaranmu), mereka mencari-cari jalan mempersendakannya.
15. Serta mereka berkata: «Ini tidak lain hanyalah sihir yang nyata».
16. «Adakah selepas kita mati serta menjadi tanah dan tulang-tulang, kita akan dibangkitkan kembali?»

إِلَّا مَنْ خَطَفَ اللَّخْطَفَةَ فَاتَّبَعَهُ وَشِهَابٌ
تَاقِبٌ ﴿١٠﴾

فَأَسْتَفْتِهِمْ أَهُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمْ مَنْ خَلَقْنَا إِنَّا
خَلَقْنَاهُمْ مِنْ طِينٍ لَازِبٍ ﴿١١﴾

بَلْ عَجِبْتَ وَيَسْخَرُونَ ﴿١٢﴾

وَإِذَا ذُكِرُوا لِآيَاتِنَا لَا يُذَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

وَإِذَا رَأَوْا آيَةً يَسْتَسْخِرُونَ ﴿١٤﴾

وَقَالُوا إِن هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾

إِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظْمًا إِأْتَانَا الْمَبْعُوثُونَ ﴿١٦﴾

17. «Dan adakah nenek moyang kita yang telah lalu (akan dibangkitkan kembali)?»
18. Jawablah (wahai Muhammad): «Ya, benar !(Kamu semua akan dibangkitkan) dalam keadaan hina».
19. (Kebangkitan ini mudah) kerana sesungguhnya ia boleh berlaku hanya dengan satu suara sahaja, maka dengan serta merta mereka semuanya (bangkit) memerhatikan (apa yang akan terjadi).
20. (Pada saat itu) mereka berkata: «Celakalah kami, ini ialah hari pembalasan!»
21. (Lalu malaikat berkata kepada mereka): «Ini ialah hari penentuan hukuman yang dulunya kamu dustakan».
22. (Allah berfirman kepada malaikat): «Himpunkanlah orang yang zalim itu bersama teman-teman mereka serta benda-benda yang mereka sembah».
23. «Selain daripada Allah, maka hadapkanlah mereka ke jalan yang membawa ke neraka».
24. «Dan tahanlah mereka (di tempat perhentian), kerana sesungguhnya mereka akan disoal».
25. «Mengapa kamu tidak tolong-menolong (sebagaimana yang kamu dakwakan dahulu)?»

أَوَءَابَاؤُنَا الْأَوَّلُونَ ﴿١٧﴾

قُلْ نَعَمْ وَأَنْتُمْ دَارِحُونَ ﴿١٨﴾

فَإِنَّمَاهِيَ زَجْرَةٌ وَاحِدَةٌ فَإِذَا هُمْ يَنْظُرُونَ ﴿١٩﴾

وَقَالُوا إِنَّا كُنَّا نَسْتَدْعُوا الْيَوْمَ آلِهَتِنَا ﴿٢٠﴾

هَذَا يَوْمُ الْقِصْلِ الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكذِّبُونَ ﴿٢١﴾

﴿٢٢﴾ أَحْشُرُوا الَّذِينَ ظَلَمُوا وَأَزْوَاجَهُمْ وَمَا كَانُوا يَعْبُدُونَ ﴿٢٣﴾

مِنْ دُونِ اللَّهِ فَأَهْدُوهُمْ إِلَى صِرَاطِ الْجَحِيمِ ﴿٢٤﴾

وَقِفُّهُمْ إِنَّهُمْ مَسْئُولُونَ ﴿٢٥﴾

مَا لَكُمْ لَا تَنْصَرُونَ ﴿٢٦﴾

26. Bahkan mereka pada hari itu menyerah diri dengan hina (untuk diadili).
27. Masing-masing menghadap satu sama lain sambil kata-mengata dan cela-mencela.
28. Para pengikut berkata (kepada ketuanya): «Sesungguhnya kamu dahulu selalu datang menyekat kami (daripada beriman) dengan menggunakan kuasa kamu».
29. Ketua-ketuanya menjawab: «(Tidak!) Bahkan kamu sendiri yang tidak mahu menjadi orang yang beriman!»
30. «Kami tidak mempunyai sebarang kuasa memerintah kamu, bahkan kamu kaum yang melampaui batas».
31. «Maka memang selayaknyalah hukuman (azab) Tuhan menimpa kita, pasti kita merasakan azab itu».
32. «Maka kami pun menyesatkan kamu, kerana sebenarnya kami adalah orang yang sesat».
33. Sesungguhnya mereka semua pada hari itu bersama-sama merasai azab.
34. Sesungguhnya demikianlah Kami lakukan kepada orang yang berdosa.
35. Sebenarnya apabila dikatakan kepada mereka dahulu: «Tiada Tuhan yang sebenar-

بَلْ هُمْ الْيَوْمَ مُسْتَسْأِمُونَ ﴿٦٦﴾

وَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ يَتَسَاءَلُونَ ﴿٦٧﴾

قَالُوا إِنَّكُمْ كُنْتُمْ تَأْتُونَنَا عَنِ الْيَمِينِ ﴿٦٨﴾

قَالُوا بَلْ لَمْ تَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٦٩﴾

وَمَا كَانَ لَنَا عَلَيْكُمْ مِنْ سُلْطَانٍ بَلْ كُنْتُمْ قَوْمًا طَٰغِينَ ﴿٧٠﴾

فَحَقَّ عَلَيْنَا قَوْلُ رَبِّنَا إِنَّا لَذٰٓئِبُونَ ﴿٧١﴾

فَأَعْوَبْنَاكُمْ أَنَا كٰٓفِرُونَ ﴿٧٢﴾

فَإِنَّهُمْ كَانُوا فِي الْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ ﴿٧٣﴾

إِنَّا كَذٰلِكَ نَفْعَلُ بِالْمُجْرِمِينَ ﴿٧٤﴾

إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٧٥﴾

benarnya melainkan Allah», mereka bersikap sombong (mengingkarinya).

36. Serta mereka berkata: «Patutkah kami meninggalkan tuhan-tuhan yang kami sembah, kerana mendengar ajakan seorang penyair gila?»
37. (Tidak! Muhammad bukan penyair dan bukan pula seorang gila) bahkan dia telah membawa kebenaran, dan mengesahkan kebenaran yang dibawa oleh para rasul (yang terdahulu).
38. Sesungguhnya kamu (wahai orang musyrik) akan merasai azab yang sangat pedih.
39. Kamu tidak dibalas melainkan dengan apa yang kamu telah lakukan.
40. Kecuali hamba-hamba Allah yang ikhlas.
41. Mereka itu mendapat kurniaan yang tertentu.
42. Iaitu buah-buahan (yang lazat), serta mereka mendapat penghormatan.
43. Di dalam syurga-syurga yang penuh kenikmatan.
44. Mereka duduk berhadapan di atas pelamin-pelamin.
45. Diedarkan kepada mereka gelas yang berisi arak (yang diambil) daripada sungainya yang mengalir.

وَيَقُولُونَ إِنَّا لَنَأْتِيَنَّكَ وَإِنَّا لَنَشَاعِرُ
فَجَحُونَ ﴿٣٦﴾

بَلْ جَاءَ بِالْحَقِّ وَصَدَقَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٧﴾

إِنَّكُمْ لَنَأْتِيَنَّكَ الْعَذَابَ الْأَلِيمَ ﴿٣٨﴾

وَمَا تُجْرَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٩﴾

إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلِصِينَ ﴿٤٠﴾

أُولَئِكَ لَهُمْ رِزْقٌ مَّعْلُومٌ ﴿٤١﴾

فَوَيْلٌ لَهُمْ وَهُمْ مُكْرَمُونَ ﴿٤٢﴾

فِي جَنَّاتٍ النَّعِيمِ ﴿٤٣﴾

عَلَى سُرُرٍ مُتَقَابِلِينَ ﴿٤٤﴾

يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِكَأْسٍ مِّنْ مَّعِينٍ ﴿٤٥﴾

46. Minuman itu putih bersih lagi lazat rasanya bagi orang yang minum.
47. Ia tidak mengandungi sesuatu yang membahayakan, tidak pula mereka mabuk kerana menikmatinya.
48. Di sisi mereka pula terdapat bidadari-bidadari yang menumpukan pandangan kepada mereka, yang mempunyai mata yang cantik.
49. Seolah-olah mereka telur yang tersimpan dengan sebaik-baiknya.
50. Lalu sebahagian mereka duduk berhadapan antara satu sama lain sambil bertanya.
51. Seorang di antaranya berkata: «Sesungguhnya aku (di dunia) dahulu pernah mempunyai seorang rakan».
52. Katanya: «Adakah engkau juga salah seorang daripada golongan yang mengakui kebenaran (kebangkitan semula pada hari akhirat)?»
53. «Adakah selepas kita mati menjadi tanah dan tulang-tulang, kita akan (dihidupkan semula serta) dibalas apa yang telah kita lakukan?»
54. (Setelah bercerita tentang rakannya itu) Dia berkata lagi: «Adakah kamu hendak melihat (keadaan rakanku yang ingkar itu)?»

بَيِّنَاءَ لَدُوِّ الشَّرِبِينَ ﴿٤٦﴾

لَا فِيهَا غَوْلٌ وَلَا هُمْ عَنْهَا يُنْفَوْنَ ﴿٤٧﴾

وَعِنْدَهُمْ قَصِيرَاتُ الْظُرْفِ عِينٌ ﴿٤٨﴾

كَأَنَّهُنَّ بَيْضٌ مَّكُونٌ ﴿٤٩﴾

فَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ يَتَسَاءَلُونَ ﴿٥٠﴾

قَالَ قَائِلٌ مِنْهُمْ إِنِّي كَانَ لِي قَرِينٌ ﴿٥١﴾

يَقُولُ أَهَآءَ لَئِنَ الْمُصَدِّقِينَ ﴿٥٢﴾

إِذْ أَمِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظْمًا إِذْ نَا لَمْدِينُونَ ﴿٥٣﴾

قَالَ هَلْ أُنْتُمْ مُظْلِمُونَ ﴿٥٤﴾

55. Maka dia pun memandang (ke arah neraka), lalu dilihatnya rakannya itu berada ditengah-tengah neraka yang menjulang-julang.
56. Dia pun (menempelaknya dengan) berkata: «Demi Allah! Nyaris-nyaris engkau melibatkan aku ke dalam kebinasaan».
57. «Jika tidak disebabkan nikmat pemberian Tuhanku (dengan hidayah), pasti aku menjadi orang yang hadir (untuk menerima balasan azab)».
58. (Kemudian dia berkata kepada rakan-rakannya yang sedang menikmati kesenangan di syurga bersama): «Bukankah kita tidak akan mati lagi?»
59. «Selain daripada kematian kita yang pertama dahulu (di dunia), dan kita juga tidak akan diazab?»
60. Sesungguhnya ini ialah kemenangan yang besar.
61. Untuk memperoleh (kejayaan) seperti inilah orang yang beramal perlu melakukan amal usahanya dengan bersungguh-sungguh (di dunia).
62. Apakah (makanan syurga) itu hidangan yang lebih baik atau pokok Zaqqum⁽¹⁾?
63. Sesungguhnya Kami jadikan pokok Zaqqum itu azab bagi orang yang zalim.

فَاطَّلَعَ فَرَءَ أَهْ فِي سَوَاءِ الْجَحِيمِ ﴿٥٥﴾

قَالَ تَاللَّهِ إِنْ كُنْتُ لَتَزِدُّنِي ﴿٥٦﴾

وَلَوْلَا نِعْمَةُ رَبِّي لَكُنْتُ مِنَ الْمُحْضَرِينَ ﴿٥٧﴾

أَفَمَا نَحْنُ بِمَمَيَّنِينَ ﴿٥٨﴾

إِلَّا أَمْوَاتُنَا الْأُولَىٰ وَمَا نَحْنُ بِمُعَدِّيْنَ ﴿٥٩﴾

إِنَّ هَذَا هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٦٠﴾

لِيَسْئَلْ هَذَا أَفَلَيْعْمَلِ الْعَامِلُونَ ﴿٦١﴾

أَذَلِكَ خَيْرٌ مُّزْنًا أَمْ شَجَرَةُ الزَّقُّومِ ﴿٦٢﴾

إِنَّا جَعَلْنَاهَا آيَةً لِلظَّالِمِينَ ﴿٦٣﴾

1 Sejenis pohon yang tumbuh di neraka, buahnya menjadi makanan para penghuninya.

64. Sebenarnya ia sebatang pohon yang tumbuh di dasar neraka yang marak menjulang.
65. Buahnya seolah-olah kepala para syaitan.
66. Maka sudah pasti mereka akan makan daripada buahnya (sekalipun pahit dan busuk), dan memenuhkan perut dengannya.
67. Kemudian, setelah makan (buah zaqqum) mereka mendapat minuman yang dicampur dengan air panas yang mendidih.
68. Setelah (mereka dibawa minum) maka tempat kembali mereka tetaplah ke dalam neraka yang marak menjulang.
69. Sebenarnya mereka (suku Quraisy) telah mendapati nenek moyang mereka berada dalam kesesatan.
70. Lalu mereka terburu-buru mengikut jejak langkah nenek moyang mereka.
71. Sesungguhnya telah sesat sebelum mereka sebahagian besar daripada orang yang terdahulu.
72. Dan sesungguhnya, Kami telahpun mengutus di kalangan kaum-kaum itu para rasul pemberi peringatan.
73. Maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang (yang mendustakan para rasul Kami) setelah diberi peringatan.

إِنَّهَا شَجَرَةٌ تَخْرُجُ فِي أَصْلِ الْجَحِيمِ ﴿٦٤﴾

طَلَعَهَا كَأَنَّ رُءُوسَ الشَّيَاطِينِ ﴿٦٥﴾

فَإِنَّهُمْ لَا يَكُونُونَ مِنْهَا الْبُطُونَ ﴿٦٦﴾

ثُمَّ إِنَّ لَهُمْ عَلَيْهَا لَشَوَابًا مِّنْ حَمِيمٍ ﴿٦٧﴾

ثُمَّ إِنَّ مَرَجِعَهُمْ إِلَى الْجَحِيمِ ﴿٦٨﴾

إِنَّهُمْ الْقَوَاءُ آبَاءُهُمْ ضَالِّينَ ﴿٦٩﴾

فَهُمْ عَلَىٰ آثَارِهِمْ مُهْرَعُونَ ﴿٧٠﴾

وَلَقَدْ ضَلَّ بِآبَائِهِمْ كَثِيرًا وَلَا وِيلِينَ ﴿٧١﴾

وَلَقَدْ آرَسَلْنَا فِيهِمْ مُنذِرِينَ ﴿٧٢﴾

فَأَنْظُرْ كَيْفَ كَانَتْ عَاقِبَةُ الْمُنذَرِينَ ﴿٧٣﴾

74. Kecuali hamba-hamba Allah yang ikhlas.
75. Sesungguhnya Nuh telah berdoa merayu kepada Kami (memohon pertolongan), maka Kami adalah sebaik-baik yang memperkenankan doa.
76. Kami telah menyelamatkan dia bersama-sama dengan keluarga dan para pengikutnya daripada kesusahan yang hebat.
77. Kami jadikan zuriat keturunannya sahaja yang hidup (setelah Kami binasakan kaumnya yang ingkar).
78. Kami kekalkan baginya (nama yang harum) di kalangan orang yang datang kemudian.
79. «Salam sejahtera ke atas Nuh di kalangan penduduk semesta alam!»
80. Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang yang berusaha melakukan amalan yang baik.
81. Sesungguhnya Nuh itu daripada hamba-hamba Kami yang beriman.
82. Kemudian Kami tenggelamkan golongan yang lain (yang mendustakannya).
83. Sesungguhnya di antara orang yang menegakkan (ajaran yang dibawa oleh) Nuh ialah Ibrahim.
84. Ketika dia datang kepada Tuhannya dengan hati yang suci.

إِلْعَابِ اللَّهِ الْمُخْلِصِينَ ﴿٧٤﴾

وَلَقَدْ نَادَانَا نُوحٌ فَلَنِعْمَ الْمُجِيبُونَ ﴿٧٥﴾

وَنَجَّيْنَاهُ وَأَهْلَهُ مِنَ الْكَرْبِ الْعَظِيمِ ﴿٧٦﴾

وَجَعَلْنَا ذُرِّيَّتَهُ هُمُ الْبَاقِينَ ﴿٧٧﴾

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ﴿٧٨﴾

سَلِّمْ عَلَى نُوحٍ فِي الْعَالَمِينَ ﴿٧٩﴾

إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٨٠﴾

إِنَّهُ وَمَنْ عِبَادَنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿٨١﴾

ثُمَّ أَعْرَفْنَا الْآخِرِينَ ﴿٨٢﴾

﴿٨٣﴾ وَإِنَّ مِنْ شِيعَتِهِ لَإِبْرَاهِيمَ

إِذْ جَاءَ رَبَّهُ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٤﴾

85. Ketika dia berkata kepada bapa dan kaumnya: «Apakah yang kamu sembah?
86. «Adakah kamu hendak memutar belitkan kebenaran semata-mata dengan menyembah tuhan-tuhan selain daripada Allah?»
87. «Maka bagaimana pula fikiran kamu terhadap Tuhan semesta alam?»
88. Kemudian dia memandang dengan satu renungan kepada bintang-bintang (yang bertaburan di langit).
89. Lalu berkata: «Sesungguhnya aku sakit».
90. Setelah (mendengar kata-katanya) itu, mereka berpaling meninggalkannya.
91. Kemudian dia pergi kepada berhala-berhala mereka secara bersembunyi, lalu bertanya: «Mengapa kamu tidak makan?⁽¹⁾»
92. «Mengapa kamu tidak menjawab?»
93. Lalu dia memukul berhala-berhala itu dengan tangan kanannya (sehingga pecah berketul-ketul).
94. (Setelah kaumnya mengetahui hal itu) maka datanglah mereka beramai-ramai kepadanya.

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَاذَا تَعْبُدُونَ ﴿٨٥﴾

أَفَكَيْفَ إِذَا هُتِفَ اللَّهُ لِلَّذِينَ لَا يَدْعُونَ ﴿٨٦﴾

فَمَا ظَنُّكُمْ كُرْبِ الْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾

فَنظَرَ نَظْرَةً فِي النُّجُومِ ﴿٨٨﴾

فَقَالَ إِنِّي سَقِيمٌ ﴿٨٩﴾

فَتَوَلَّوْا عَنْهُ مُدْبِرِينَ ﴿٩٠﴾

فَرَاغَ إِلَى الْعِهْنِمْ فَقَالَ أَلَا تَأْكُلُونَ ﴿٩١﴾

مَا لَكُمْ لَا تَنْطِقُونَ ﴿٩٢﴾

فَرَاغَ عَلَيْهِمْ ضَرْبًا بِالْيَمِينِ ﴿٩٣﴾

فَأَقْبَلُوا إِلَيْهِ يَرْفُوفِينَ ﴿٩٤﴾

1 Nabi Ibrahim a.s mempersendakan berhala itu kerana di sisi berhala itu terdapat banyak sajian makanan.

95. Dia berkata: «Patutkah kamu menyembah benda-benda yang kamu pahat?»
96. «Padahal Allah yang menciptakan kamu dan benda-benda yang kamu jadikan itu!»
97. Mereka berkata: «Binakan sebuah tempat (untuk membakarnya), kemudian campakkan dia ke dalam api yang marak menjulang itu».
98. Mereka bermaksud untuk memperdayakannya dengan (membakar)nya, (namun Allah selamatkannya) lalu Kami jadikan mereka orang yang paling hina.
99. Ibrahim pula berkata: «Aku hendak pergi kepada Tuhanku, Dia akan memimpinku (ke jalan yang benar)⁽¹⁾».
100. «Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku anak yang soleh!»
101. Lalu Kami berikan kepadanya berita yang menggembirakan, bahawa dia akan mendapat seorang anak yang penyabar.
102. Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Ibrahim berkata: «Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa

قَالَ أَتَعْبُدُونَ مَا تَنْحِتُونَ ﴿٩٥﴾

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

قَالُوا ابْنُوا لَهُ بُيُوتًا فَأَلْقُوهُ فِي الْجَحِيمِ ﴿٩٧﴾

فَارَادُوا بِهِ كَيْدًا فَجَعَلْنَاهُمُ الْأَسْفَلِينَ ﴿٩٨﴾

وَقَالَ إِنِّي ذَاهِبٌ إِلَىٰ رَبِّي سَيَهْدِينِ ﴿٩٩﴾

رَبِّ هَبْ لِي مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠٠﴾

فَبَشَّرْنَاهُ بِغُلَامٍ حَلِيمٍ ﴿١٠١﴾

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَئُ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُ فَأَنْظِرْ مَاذَا تَرَىٰ قَالَ يَكَابُتِ أَفْعَلْ مَا تُؤْمُرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾

1 Nabi Ibrahim a.s merantau ke sebuah negeri agar dapat menyembah Allah dan berdakwah.

aku akan menyembelihmu, maka apakah pendapatmu?»). Anaknya menjawab: «Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu. Insya Allah, ayah akan mendapatiku termasuk orang yang sabar».

- 103.** Setelah keduanya berserah (menjunjung perintah Allah itu), dan Ibrahim membaringkan anaknya dengan mengiringkan wajahnya di atas tompok tanah.
- 104.** Lalu Kami menyerunya: «Wahai Ibrahim!»
- 105.** «Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu». Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang yang berusaha melakukan kebaikan.
- 106.** Sesungguhnya perintah ini adalah satu ujian yang nyata.
- 107.** Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang agung⁽¹⁾.
- 108.** Dan Kami abadikan bagi Ibrahim (nama yang harum) di kalangan orang yang datang kemudian.
- 109.** «Salam sejahtera kepada Ibrahim!».
- 110.** Demikianlah Kami membalas orang yang berusaha melakukan kebaikan.

فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ﴿١٠٣﴾

وَنَدَيْنَاهُ أَنْ يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿١٠٤﴾

قَدْ صَدَّقْتَ الرُّءْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾

إِنَّ هَذَا لَهُوَّ الْبَتُّ أَلْمِينِ ﴿١٠٦﴾

وَقَدَّيْنَاهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٠٧﴾

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ﴿١٠٨﴾

سَلَامٌ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ ﴿١٠٩﴾

كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٠﴾

1 Iaitu seekor kambing. Peristiwa sembelihan ini menjadi asas disyariatkan korban pada hari Raya Haji.

111. Sesungguhnya dia (Ibrahim) daripada hamba-hamba Kami yang beriman.
112. Dan Kami berikan pula kepadanya berita yang menggembirakan, bahawa dia akan mendapat (seorang anak) iaitu Ishak yang akan menjadi nabi, yang termasuk daripada orang yang soleh.
113. Kami berkatinya dan (anaknyanya) Ishak. Di antara zuriat keturunan keduanya ada yang melakukan kebaikan dan ada pula yang menzalimi dirinya sendiri dengan nyata.
114. Sesungguhnya! Kami telah melimpahkan nikmat pemberian kepada Musa dan Harun.
115. Kami selamatkan kedua-duanya dan kaumnya daripada kesusahan yang hebat.
116. Kami menolong mereka sehingga mereka menjadi orang yang berjaya.
117. Kami berikan kepada kedua-duanya kitab suci yang amat jelas keterangannya.
118. Kami berikan hidayah kepada kedua-duanya ke jalan yang lurus.
119. Dan Kami abadikan (nama yang harum) bagi kedua-duanya di kalangan orang terkemudian.
120. «Salam sejahtera kepada Musa dan Harun!»

إِنَّهُ وَمِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١١﴾

وَبَشِّرْنَاهُ بِإِسْحَاقَ نَبِيًّا مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٢﴾

وَبَارَكْنَا عَلَيْهِ وَعَلَىٰ إِسْحَاقَ وَمِن ذُرِّيَّتِهِمَا
مُحْسِنٌ وَظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ ۗ أُمِينٌ ﴿١١٣﴾

وَلَقَدْ مَتَنَّا عَلَىٰ مُوسَىٰ وَهَارُونَ ﴿١١٤﴾

وَنَجَّيْنَاهُمَا وَقَوْمَهُمَا مِنَ الْكَرْبِ الْعَظِيمِ ﴿١١٥﴾

وَنَصَّرْنَاهُمْ فَاكُونُوا لَهُمُ الْغَالِبِينَ ﴿١١٦﴾

وَأَتَيْنَاهُمَا الْكِتَابَ الْمُسْتَبِينَ ﴿١١٧﴾

وَهَدَيْنَاهُمَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿١١٨﴾

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِمَا فِي الْأَخْيَرِينَ ﴿١١٩﴾

سَلِّمٌ عَلَىٰ مُوسَىٰ وَهَارُونَ ﴿١٢٠﴾

121. Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang yang berusaha melakukan kebaikan.
122. Sesungguhnya mereka berdua adalah daripada hamba-hamba Kami yang beriman.
123. Dan sesungguhnya Ilyas adalah daripada para rasul yang diutus.
124. Ketika dia berkata kepada kaumnya: «Mengapa kamu tidak bertakwa?»
125. «Patutkah kamu menyembah berhala Ba'l⁽¹⁾ dan meninggalkan (ibadat kepada) sebaik-baik pencipta?»
126. «Iaitu Allah Tuhan kamu dan Tuhan nenek moyang kamu yang terdahulu!»
127. Maka mereka mendustakannya, akibatnya mereka tetap akan hadir (untuk diseksa).
128. Kecuali hamba-hamba Allah yang ikhlas.
129. Dan Kami abadikan bagi Ilyas (nama yang harum) di kalangan orang yang terkemudian.
130. «Salam sejahtera kepada Ilyas!»
131. Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang yang berusaha melakukan kebaikan.
132. Sesungguhnya Ilyas itu daripada hamba-hamba Kami yang beriman.

إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢١﴾

إِنَّهُمَا مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٢﴾

وَأَنَّ إِلْيَاسَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾

إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَلَأَتَقُونَ ﴿١٢٤﴾

أَنْتُمْ عُونَ بَعْلًا وَتَذَرُونَ أَحْسَنَ الْخَالِقِينَ ﴿١٢٥﴾

اللَّهُ رَبُّكُمْ وَرَبُّ آبَائِكُمُ الْأُولَى ﴿١٢٦﴾

فَكَذَّبُوهُ فَإِنَّهُمْ لَمُحْضَرُونَ ﴿١٢٧﴾

إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلِصِينَ ﴿١٢٨﴾

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ﴿١٢٩﴾

سَلَّمَ عَلَى إِيْلَ يَاسِينَ ﴿١٣٠﴾

إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣١﴾

إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣٢﴾

1 Nama salah satu berhala orang Phunicia.

133. Dan sesungguhnya Lut adalah daripada para rasul yang diutus.
134. Ketika kami selamatkan dia, keluarga serta pengikut-pengikutnya semuanya.
135. Kecuali seorang perempuan tua (isterinya) bersama-sama orang yang tinggal di kota.
136. Kemudian Kami hancurkan yang lain (daripada pengikut-pengikut Lut).
137. Sesungguhnya kamu (penduduk Mekah) benar-benar akan melalui (kesan-kesan) mereka pada waktu pagi.
138. Dan juga pada waktu malam, maka mengapa kamu tidak mahu memikirkannya?
139. Sesungguhnya Yunus adalah daripada para rasul yang diutus.
140. Ketika dia melarikan diri ke kapal yang penuh muatan.
141. (Dengan satu keadaan yang memaksa) maka dia pun ikut mengundi⁽¹⁾, lalu dia termasuk di antara orang yang kalah yang dilemparkan (ke laut).
142. Setelah itu dia ditelan oleh ikan besar dalam keadaan tercela⁽²⁾.

وَإِنَّ لُوطًا لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٣﴾

إِذْ نَجَّيْنَاهُ وَأَهْلَهُ وَأَجْمَعِينَ ﴿١٣٤﴾

إِلَّا عَجُوزًا فِي الْغَائِبِينَ ﴿١٣٥﴾

ثُمَّ دَمَرْنَا الْأَخْرِينَ ﴿١٣٦﴾

وَإِنَّكُمْ لَسَمُرُونَ عَلَيْهِمْ مُضْجِعِينَ ﴿١٣٧﴾

وَبِاللَّيْلِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٣٨﴾

وَإِنَّ يُونُسَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٩﴾

إِذْ أَبَقَ إِلَى الْفُلِ الْمَسْحُورِ ﴿١٤٠﴾

فَسَاهَمَ وَكَانَ مِنَ الْمُدْحَضِينَ ﴿١٤١﴾

فَأَلْقَمَهُ الْحُوتُ وَهُوَ مُلِيمٌ ﴿١٤٢﴾

1 Undian diadakan kerana muatan kapal sangat penuh. Sekiranya tidak dikurangkan kapal itu mungkin akan tenggelam. Melalui undian itu sesiapa yang kalah akan dilempar ke laut. Nabi Yunus a.s termasuk orang yang kalah dalam undian tersebut.

2 Kerana baginda meninggalkan kaumnya dan berputus asa dengan mereka.

143. Maka sekiranya dia tidak termasuk orang yang sentiasa bertasbih mengingati Allah, فَلَوْلَا أَنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُسَبِّحِينَ ﴿١٤٣﴾
144. Pastilah dia akan tinggal di dalam perut ikan itu hingga ke hari Kebangkitan. لَلَيْثِ فِي بَطْنِهِ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤٤﴾
145. Maka Kami campakkan dia keluar (daripada perut ikan) ke tanah yang tandus (di tepi pantai), sedang dia dalam keadaan sakit. * فَتَبَدَّلْنَاهُ بِالْعَرَاءِ وَهُوَ سَقِيمٌ ﴿١٤٥﴾
146. Kami tumbuhkan sebatang pokok yang berdaun lebar (labu). وَأَنْبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّنْ يَقْطِينٍ ﴿١٤٦﴾
147. Dan Kami utuskannya kepada (kaumnya yang seramai) seratus ribu atau lebih. وَأَرْسَلْنَاهُ إِلَى مِائَةِ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ ﴿١٤٧﴾
148. Maka mereka pun beriman, lalu Kami biarkan mereka menikmati kesenangan hidup hingga ke suatu ketika. فَتَأْمَنُوا فَمَعَّزْتَنَّهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١٤٨﴾
149. Maka tanyakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka itu: «Apakah bagi Tuhanmu anak-anak perempuan dan bagi mereka anak-anak lelaki?» فَأَسْتَفْتِهِمُ الرَّبُّ أَلِالْبَنَاتِ وَاللَّهُمُّ الْبَنُونَ ﴿١٤٩﴾
150. «Atau adakah mereka hadir sendiri menyaksikan Kami menciptakan para malaikat itu sebagai perempuan?» أَمْ خَلَقْنَا الْمَلَائِكَةَ إِنثًا وَهُمْ شَاهِدُونَ ﴿١٥٠﴾
151. Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya dengan sebab terpesongnya daripada kebenaran, mereka berkata: أَلَا إِنَّهُمْ مِّنْ إِفْكِهِمْ لَيَقُولُونَ ﴿١٥١﴾
152. «Allah mempunyai anak». Sesungguhnya mereka adalah pendusta. وَلَدَ اللَّهُ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١٥٢﴾

153. Adakah Tuhan mengutamakan anak-anak perempuan daripada anak-anak lelaki (sedangkan Dialah yang menciptakan keduanya)?
154. Mengapa kamu ini? Bagaimana caranya kamu menetapkan hukum?
155. Maka mengapa kamu tidak berfikir?
156. Atau adakah kamu mempunyai sebarang bukti yang nyata?
157. (Sekiranya ada) maka bawakanlah kitab kamu, jika kamu orang yang benar.
158. Mereka mengadakan (hubungan) nasab keluarga di antara Allah dan jin, padahal sesungguhnya jin itu mengetahui bahawa sebenarnya orang yang melakukan perkara sedemikian akan dibawa (ke dalam azab pada hari akhirat).
159. Maha Suci Allah daripada apa yang mereka katakan itu!
160. Kecuali hamba-hamba Allah⁽¹⁾ yang ikhlas.
161. Maka sebenarnya kamu (wahai orang musyrik) dan apa yang kamu sembah
162. Tidak akan dapat merosakkan perhubungan seseorang dengan Tuhannya.

أَصْطَفَى الْبَنَاتِ عَلَى الْبَنِينَ ﴿١٥٣﴾

مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿١٥٤﴾

أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٥﴾

أَمْ لَكُمْ سُلْطَانٌ مُّبِينٌ ﴿١٥٦﴾

فَأْتُوا بِكِتَابِكُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٥٧﴾

وَجَعَلُوا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجَنَّةِ نَسَبًا وَلَقَدْ عَلِمْتِ الْجِنَّةُ أَنَّهُمْ لَمُحْضَرُونَ ﴿١٥٨﴾

سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُصِفُونَ ﴿١٥٩﴾

إِلَّا الْعِبَادَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ الْمَخْلُصِينَ ﴿١٦٠﴾

فَأَنذَرْتُكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ ﴿١٦١﴾

مَا أَنشَأَ عَلَيْهِ بَدَائِينَ ﴿١٦٢﴾

1 Hamba Allah di sini ialah golongan jin yang beriman.

163. Kecuali orang yang telah ditetapkan bahawa dia akan dibakar di dalam neraka yang marak menjulang.
164. (Malaikat pula menegaskan dengan berkata): «Tiada sesiapaupun daripada kalangan kami melainkan baginya darjat kedudukan yang tertentu».
165. «Sesungguhnya kamilah yang sentiasa berbaris (menjunjung perintah dan beribadat)».
166. «Sesungguhnya kamilah yang sentiasa bertasbih⁽¹⁾!»
167. Sebenarnya mereka (yang musyrik) itu dulu pernah berkata:
168. «Kalaulah ada di sisi kami kitab suci daripada (para rasul) yang terdahulu».
169. «Pastilah kami akan menjadi hamba-hamba Allah yang ikhlas!»
170. (Setelah al-Quran diturunkan kepada mereka) mereka mengingkarinya, maka mereka akan mengetahui kelak (akibat kekufuran mereka).
171. Sesungguhnya! Sejak dahulu lagi telah ada ketetapan Kami bagi hamba-hamba Kami yang diutus menjadi rasul.
172. Bahawa sesungguhnya merekalah orang yang diberikan pertolongan mencapai kemenangan.

إِلَّا مَنْ هُوَ صَالِ الْجَبَابِرِ ﴿١٦٣﴾

وَمَا مِمَّنَّا إِلَّا آلَهُ مَفَامَهُمْ مَعْلُومٌ ﴿١٦٤﴾

وَأَنَا لَتَّحْنُ الصَّافِرِينَ ﴿١٦٥﴾

وَأَنَا لَتَّحْنُ الْمُسَبِّحِينَ ﴿١٦٦﴾

وَإِنْ كَانُوا يَتَّقُونَ ﴿١٦٧﴾

لَوْ أَنَّ عِنْدَنَا ذِكْرًا مِّنَ الْأَوَّلِينَ ﴿١٦٨﴾

لَكُنَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلِصِينَ ﴿١٦٩﴾

فَكَفَرُوا بِهِ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿١٧٠﴾

وَلَقَدْ سَبَقَتْ كَلِمَتُنَا لِعِبَادِنَا الْمُرْسَلِينَ ﴿١٧١﴾

إِنَّهُمْ لَهُمُ الْمَنْصُورُونَ ﴿١٧٢﴾

1 iaitu dengan menyebut Subhanallah.

173. Dan sesungguhnya tentera Kami (pengikut-pengikut rasul), merekalah yang akan menewaskan (golongan yang menentang kebenaran).
174. Maka berpalinglah (wahai Muhammad) daripada mereka hingga ke suatu ketika.
175. Dan perlihatkanlah kepada mereka, maka kelak mereka akan melihat (azab).
176. Maka apakah mereka meminta agar azab Kami disegerakan?
177. Kerana apabila azab itu turun dalam kawasan mereka, sudah pasti buruklah pagi hari⁽¹⁾ orang yang tidak mengendahkan peringatan yang telah diberikan.
178. Berpalinglah (wahai Muhammad) daripada mereka hingga ke suatu ketika.
179. Dan perhatikanlah, maka kelak mereka akan melihat (azab itu).
180. Maha Suci Tuhanmu, Tuhan yang Maha Perkasa daripada sifat yang mereka katakan!
181. Dan (ucapkanlah) salam sejahtera kepada semua rasul.
182. Serta (ingatlah bahawa) segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam.

وَإِن جُنَدَنَا لَهُمُ الْعَالَمُونَ ﴿١٧٣﴾

فَتَوَلَّ عَنْهُمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿١٧٤﴾

وَأَبْصُرُهُمْ فَسَوْفَ يُبْصِرُونَ ﴿١٧٥﴾

أَفِعْدَابًا يَسْتَعْجِلُونَ ﴿١٧٦﴾

فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمْ فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنذَرِينَ ﴿١٧٧﴾

وَتَوَلَّ عَنْهُمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿١٧٨﴾

وَأَبْصُرُهُمْ فَسَوْفَ يُبْصِرُونَ ﴿١٧٩﴾

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٨٠﴾

وَسَلِّمْ عَلَى الْمُرْسَلِينَ ﴿١٨١﴾

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٨٢﴾

1 Pagi hari di sini bukan bermaksud waktu pagi tetapi waktu sebelum subuh di mana orang yang menyerang itu melakukan serangannya, maka orang yang kalah akan menderita kekalahan pada waktu pagi.